

One Day Community Care serlahkan keprihatinan USIM

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat baru-baru ini telah menganjurkan program *One Day Community Care* di Taman Sinar Harapan Tuanku Najihah, Seremban, Negeri Sembilan.

ia adalah salah satu program yang disusun dalam kalendar seni budaya oleh Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Usim dengan melibatkan Uru Setia Kesenian Pelajar sebagai peserta program *One Day Community Care*.

Idea melaksanakan program itu lahir kerana masyarakat hari ini seolah-olah semakin lupa akan tanggungjawab sosial yang sepatutnya dipikul bersama dalam memastikan perancangan kerajaan ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 tercapai.

Pegawai Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed berkata, soal kebajikan dan kurangnya keprihatinan masyarakat kini semakin alpa dalam membantu golongan yang memerlukan.

“Gejala negatif ini akhirnya memperlihatkan kesan dan tempias kesibukan tersebut dalam arus kemodernan dengan pelbagai isu sosial yang semakin ketara.



SALAH seorang pelajar menyuapkan makanan kepada seorang kanak-kanak di Taman Sinar Harapan Tuanku Najihah, Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

“Justeru pelaksanaan program ini mampu melahirkan pelajar yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan berupaya menyedarkan pelajar USIM yang bakal menjadi pemimpin untuk berterusan berkhidmat kepada masyarakat apabila tamat pengajian kelak,” katanya.

Program itu telah disertai Urusetia Kesenian Pelajar dan 50 orang pelajar USIM serta 37 anak-anak istimewa dari Taman Sinar Harapan Tuanku Najihah.

Pengerusi Urusetia Kesenian Pelajar USIM, Mohd. Akmal Razali berkata, program *One Day Community Care* mempunyai daya menarik tersendiri yang diserapkan dan diubahagi kepada tiga segmen utama iaitu *One Personal Touch*, *One Pocket Motivation* dan *One Arts Therapy*.

“Ketiga-tiga program itu dilihat mampu melatih pemimpin masa depan yang serba boleh dan menyumbang kepada masyarakat.

“Kita berusaha mencapai kecemerlangan di pelbagai peringkat aktiviti sama ada di dalam dan di luar universiti dan akan menjadi agenda program ini berterusan di masa akan datang,” katanya.